



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

25 NOVEMBER 2017

1. Bukan Daging Babi; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input checked="" type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat	M/SURAT: <input type="text" value="34"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input checked="" type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
25 November 2017			

Kalidevi Mogan Kumarappa
kalidevi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pemeriksaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ke atas sebuah premis di pasar Selayang di sini, mendapati mereka menjual daging lembu import dan bukan daging babi seperti didakwa seorang suri rumah, sebelum ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasanya, Wan Mohd Yusof Wan Taib berkata, pemeriksaan dilakukan di premis itu dilakukan oleh sepasukan empat pegawainya yang turut disertai pengadu pada pagi sehingga tengah hari Rabu lalu.

Katanya, keterangan peniaga dan pengadu sudah dirakamkan, manakala sampel daging di premis berkenaan juga sudah dihantar ke Jabatan Kimia untuk pengesahan.

"Sampel daging yang diambil di gerai peniaga itu bukan daging babi, tapi daging lembu. Menurut kete-



HARIAN METRO

BUKAN DAGING BABI

■ KPDNKK nafi dakwaan suri rumah terbeli daging khinzir di pasar Selayang sebaliknya lembu import

DAGING yang dijual ialah daging lembu yang diimport dari India.

daging daripada pemborong. Sampel daging dari premis peniaga itu sudah dihantar untuk pemeriksaan pakar bagi mengesahkan sama ada ia mengandungi kandungan atau campuran daging babi," katanya.

Kisah itu tular apabila seorang wanita memuat naik di laman Facebook miliknya pada Isnin lalu dengan mendakwa rasa was-was melihat warna dan tekstur daging lembu yang dibeli suaminya di sebuah pasar di Selayang yang dikhuatiri daging babi.

Mengulas lanjut, Wan Mohd Yusof berkata, sampel daging yang didakwa daging babi itu tidak dapat diambil kerana pengadu sudah membuangnya.